KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## AHAD, 28 JANUARI 2024

## LAPORAN HARIAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



28/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **SARINGAN KANSER SERVIKS, INISIATIF KURANGKAN BEBAN ISI RUMAH** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/saringan-kanser-serviks-inisiatif-kurangkan-beban-isi-rumah | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **IBU BAPA KURANG MAKLUMAT PUNCA TIDAK HANTAR ANAK OKU KE PPDK** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/01/27/ibu-bapa-kurang-maklumat-punca-tidak-hantar-anak-oku-ke-ppdk/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **ISTERI PAK JABIT BERHARAP SUMBANGAN MESIN OKSIGEN** | |
| | https://malaysiagazette.com/2024/01/27/isteri-pak-jabit-berharap-sumbangan-mesin-oksigen/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **LELAKI HIDUP MEREMPAT BERIKUTAN TIADA SEBARANG DOKUMEN PENGENALAN DIRI** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/27/lelaki-hidup-merempat-berikutan-tiada-sebarang-dokumen-pengenalan-diri | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **PERTUMBUHAN KANAK-KANAK HARUS DIKEMBANGKAN, TIDAK WAJAR TERHAD** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/27/pertumbuhan-kanak-kanak-harus-dikembangkan-tidak-wajar-terhad | UTUSANBORNEO.COM.MY |

28/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **REMAJA MANGSA ROGOL BAPA DIBAWA KE LOKASI KEJADIAN, CARI BUKTI BAHARU** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1054815/remaja-mangsa-rogol-bapa-dibawa-ke-lokasi-kejadian-cari-bukti-baharu | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/27/remaja-disyaki-dirogol-bapa-dibawa-ke-lokasi-kejadian-cari-bukti-baharu/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2024/01/27/remaja-mangsa-rogol-bapa-dibawa-ke-lokasi-kejadian-cari-bukti-baharu/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/646568/berita/semasa/bapa-disyaki-rogol-pukul-anak-disambung-reman | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/bapa-disyaki-rogol-pukul-anak-disambung-reman/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://utusantv.com/2024/01/27/reman-bapa-disyaki-rogol-belasah-remaja-perempuan-dilanjutkan/ | UTUSANTV.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/01/27/cops-bring-teen-raped-by-father-to-crime-scene-to-find-new-evidence/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-mangsa-rogol-bapa-dibawa-ke-lokasi-kejadian-cari-bukti-baharu-455770 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **POLIS SIASAT KES GANGGUAN SEKSUAL DIDAKWA BABIT PEGAWAI KANAN AGENSI KERAJAAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1205248/polis-siasat-kes-gangguan-seksual-didakwa-babit-pegawai-kanan-agensi | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/polis-siasat-dakwaan-pegawai-kanan-agensi-kerajaan-terlibat-gangguan-seksual/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/01/1006223/kelantan-govt-agency-senior-officer-under-investigation-sexual | NST.COM.MY |

28/1/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **DO MEN ENCOUNTER SEXUAL HARASSMENT?** | |
| | https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2024/01/27/do-men-encounter-sexual-harassment | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **8 WAYS TO ADDRESS GENDER-BASED VIOLENCE** | |
| | https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2024/01/27/8-ways-to-address-gender-based-violence | THESTAR.COM.MY |

# Saringan Kanser Serviks, inisiatif kurangkan beban isi rumah

Kategori: Nasional - Kemas kini: 27 Januari 2024 12:00 PM - Jumlah kunjungan: 121




FOTO RTM

***KANGAR, 27 Januari*** – Inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan (LPPKN) meneruskan saringan kanser serviks melalui ujian HPV DNA secara percuma dilihat sebagai usaha untuk mengurangkan beban isi rumah penduduk di Perlis.

LPPKN telah memperkenalkan Kempen Kesedaran Kanser Reproduktif Wanita (WCaRe) bagi mempromosikan inisiatif program saringan kanser reproduktif wanita iaitu Saringan Kanser Serviks melalui Ujian HPV DNA dan saringan kanser payudara melalui Ujian Mamogram.

Menurut Ketua Pengarah LPPKN, Abdul Shukur Abdulah, di bawah Kempen WCaRe ini, KPWKM mensasarkan seramai 57,000 orang wanita di seluruh negara mendapat manfaat pada tahun 2024 termasuk 400 orang wanita di Perlis.

Sejak 2019 sehingga Disember 2023, seramai 1,413 orang wanita di Perlis telah menjalani ujian HPV DNA.

"Ujian HPV DNA merupakan kaedah yang amat berkesan dalam mengesan kehadiran kanser serviks, kos yang perlu ditanggung jika dilaksanakan di hospital swasta adalah antara RM300.00 hingga RM500.00 sekali ujian," katanya ketika ditemui media pada Program KASIH Keluarga: Gempur Saringan HPV DNA 2024 Peringkat Negeri Perlis sempena Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan 2024 di Taman Buah-Buahan Eksotik, Sungai Batu Pahat.

Bersempena program ini, satu Memorandum Perjanjian geran peruntukan Program Khidmat Masyarakat berjumlah RM21,000 daripada Yayasan CIMB kepada LPPKN bagi pelaksanaan Program Pemerkasaan Institusi Keluarga Negeri Perlis 2024.

Kolaborasi ini membolehkan Program Pemerkasaan Institusi Keluarga Negeri Perlis 2024 dapat ditawarkan secara percuma kepada masyarakat dan komuniti yang memerlukan dengan penyertaan sekurang-kurangnya 300 orang.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Indera Kayangan, Gan Ay Ling dan Pengarah LPPKN Negeri Perlis, Naemah Ibrahim.

# Ibu bapa kurang maklumat punca tidak hantar anak OKU ke PPDK

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI    27 Januari 2024, 1:06 pm




ZULKIFLI (kanan) pada majlis penyerahan van penumpang kepada PPDK Seri Murni di Kem Sungai Udang, Sungai Udang, Melaka. - Foto oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI / KOSMO!

MELAKA – Stigma masyarakat yang masih menebal terhadap fungsi Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) menyebabkan ramai ibu bapa yang memilih untuk tidak menghantar anak istimewa ke pusat berkenaan.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka, Zulkifli Hanifah berkata, ibu bapa yang memiliki anak Orang Kurang Upaya (OKU) beranggapan pusat itu sama seperti pusat jagaan biasa.

Kata beliau, tanggapan itu tidak tepat kerana pelbagai aktiviti dijalankan untuk menerapkan kemahiran kepada anak OKU supaya mereka dapat menyesuaikan diri dalam komuniti .

"Mereka (ibu bapa) bukan tidak tahu tetapi simptom atau stigma masyarakat masih ada untuk tidak menghantar anak OKU ke sini. Mungkin disebabkan mereka kekurangan maklumat dan beranggapan PPDK sekadar pusat jagaan sahaja.

"Apa yang berlaku ketika ini adalah anak OKU tidak berada di sekolah atau di PPDK, bermakna mereka berada di tempat lain seperti rumah dan sebagainya. Anak OKU memerlukan kemahiran dan inilah yang diterapkan di PPDK.

"Apabila anak OKU kehilangan ibu bapa, mereka tidak dapat menyesuaikan diri dalam komuniti. Jadi saya menyeru masyarakat untuk menghubungi PPDK, fahami fungsi dan segera menghantar anak demi kebaikan mereka," katanya dalam sidang akhbar Majlis Penyerahan Van kepada PPDK Seri Murni, Kem Sungai Udang di sini, semalam.

Hadir sama, Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd. Ali Mohd. Rustam dan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan negeri, Datuk Kalsom Noordin.

Hadir sama, Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd. Ali Mohd. Rustam dan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan negeri, Datuk Kalsom Noordin.

Terdahulu, PPDK Seri Murni menerima sebuah van penumpang jenis Nissan Urvan yang disumbangkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk melancarkan aktiviti harian pusat berkenaan. – KOSMO! ONLINE

# Isteri Pak Jabit berharap sumbangan mesin oksigen

Oleh **Syahira Yahya** - 27 January 2024




*Raja Maharani Raja Jaafar*

TEMERLOH – Isteri kepada pelakon watak Pak Jabit kini bergantung kepada mesin oksigen sejak dua bulan lalu berharap mendapatkan sumbangan bantuan mesin pernafasan.

Raja Maharani Raja Jaafar, 70, merupakan isteri kepada pelakon Allahyarham Abdul Kadir Abdul Manaf itu kini menangung penyakit paru-paru sejak Ogos tahun lalu.

Kini beliau bergantung kepada mesin oksigen yang disewa bulanan dengan harga RM320.

Difahamkan mesin tersebut berharga RM4,000 di pasaran merupakan satu-satunya alternatif perubatan yang disarankan bagi meredakan keadaan penyakit yang ditanggung Raja Maharani.

"Kini hanya bergantung kepada mesin oksigen untuk membantu pernafasan.

"Paling sukar bila pakai mesin ini masa tiba-tiba terputus bekalan elektrik, cepat-cepat anak bawa ke kampung sebelah ke rumah saudara-mara," katanya.



*Abdul Khalid Putera Abdul Kadir*

Beliau kini dijaga oleh anak lelakinya, Abdul Khalid Putera Abdul Kadir, 33, bersama menantunya di Kampung Ranjau dekat Lanchang.

Manakala anak bongsunya, Abdul Khalid menjaga makan minum pakai ibunya selain sentiasa memantau penggunaan mesin yang membantu banyak ibunya.

Mengakui ibunya masih belum mendapat mana-mana bantuan sama ada dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau Majlis Ugama Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Abdul Khalid bercadang untuk memohon bagi membantu ibunya pada masa akan datang.

"Emak mula sakit sejak Ogos dan guna mesin itu sejak Disember lalu sekurang-kurangnya 15 jam sehari perlu pakai mesin.

"Buat masa ini, kami adik-beradik menyewa mesin ini daripada farmasi RM320 sebulan dan kos pembelian mesin baharu dianggarkan kira-kira RM4,000.

"Bantuan lain dari segi keperluan susu khas untuk emak," katanya.

Terdahulu Allahyarham Abdul Kadir meninggal dunia pada 7 September 2017 ekoran masalah jantung telah meninggalkan seorang balu dan empat orang anak.



*Allahyarham Abdul Kadir atau dikenali Pak Jabit.*

Pak Jabit juga dikenali Man Kadir Shamsi pernah membintangi filem Man Laksa, Zombi Kampung Pisang dan Hantu Kak Limah Balik Rumah serta telefilem seperti Rombongan Cik Kiah ke Sukan Komanwel dan Rombongan Cik Kiah ke Kelana Jaya.

Pak Jabit tersohor menerusi lakonannya dalam siri filem-filem komedi arahan Allahyarham Mamat Khalid pernah dinobatkan anugerah Cerita TV (Teleplay Terbaik) di Anugerah Sri Angkasa (TV) 1994 menerusi drama 'Pengarah Terbaik Tahun Ini'. – MalaysiaGazette

# Lelaki hidup merempat berikutan tiada sebarang dokumen pengenalan diri

2024-01-27T17:05:39+08:00

SIBU: Seorang lelaki berusia 46 tahun terpaksa hidup merempat berikutan tiada sebarang dokumen pengenalan diri termasuk sijil lahir dan kad pengenalan.

Lebih menyedihkan lelaki itu hidup sebatang kara dengan bergantung harap bantuan bulanan RM300 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Alias Rawi dari Bintulu yang tiba di Sibu tiga hari lalu, kini tidur di kaki lima dan bekerja sementara di sebuah gerai makan di Jalan Awang Ramli Amit di sini.

Alias berkata, dia merantau ke Sibu kerana ingin meluahkan penderitaannya kepada Utusan Borneo dengan harapan ada pihak berwajib tampil membantnya mendapatkan kad pengenalan.

Menurutnya, dia hanya dapat menamatkan pendidikan sehingga sekolah rendah kerana tidak mempunyai sijil lahir dan kad pengenalan.

Dia juga sukar mendapat pekerjaan tetap kerana tiada majikan sanggup mengambilnya bekerja.

Alias pernah cuba membuat kad pengenalan tetapi usaha itu sia-sia kerana Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) meminta dia mendapatkan beberapa maklumat pengesahan di luar kemampuannya.

Selain itu, dia yang mempunyai penyakit gastrik kronik juga tidak dapat ke hospital kerajaan kerana masalah ketiadaan kad pengenalan.

Sementara itu, Alias mendakwa dirinya berasal dari Sarikei dan mempunyai 12 adik beradik.

Di Bintulu, Alias memberitahu dia menumpang berteduh di Yayasan Kebajikan Negara Bahagian Bintulu.

Disebabkan masalah keluarga dihadapi sejak kecil, dia dan adik beradiknya tidak mempunyai sijil lahir dan kad pengenalan.

Malah, masalah keluarga juga menyebabkan dia terpisah dengan adik beradiknya.

Dia kini berusaha mencari ahli-ahli keluarganya yang lain.

# Pertumbuhan kanak-kanak harus dikembangkan, tidak wajar terhad

2024-01-27T17:12:16+08:00




Ting (dua kiri) menyampaikan sijil apresiasi kepada kanak-kanak pada Majlis Apresiasi Tabika KEMAS Parlimen Lanang sesi 2023/2024 di Sibu hari ini.

SIBU: Pertumbuhan kanak-kanak seharusnya dikembangkan dengan pelbagai potensi dan tidak sewajarnya terhad dalam aspek pencapaian akademik semata-mata.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Dato Sri Tiong King Sing bagaimanapun berkata, tidak dinafikan pencapaian dan kecemerlangan akademik sangat penting.

"Namun, membekalkan mereka dengan pembinaan sahsiah peribadi juga tidak kurang pentingnya.

"Oleh itu, sejak mereka kecil kita perlu menerapkan nilai-nilai murni dalam diri mereka," katanya berucap pada Majlis Apresiasi Tabika KEMAS Parlimen Lanang bagi sesi 2023/2024 di sini hari ini.

Teks ucapannya dibacakan oleh wakilnya, Kaunselor Joshua Ting selaku mewakilinya menyempurnakan majlis tersebut.

Beliau juga berpendapat kesempurnaan dalam pendidikan mampu menjadikan masyarakat sempurna dalam kehidupan.

Oleh yang demikian, beliau menggesa anak-anak menghormati guru, ibu bapa serta orang lebih tua daripada mereka.

Mengenai majlis itu, Ahli Parlimen Bintulu itu percaya majlis apresiasi itu selari dengan matlamat dan tujuan memberi dorongan serta motivasi kepada anak-anak agar terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam apa juga bidang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dudong itu berharap majlis tersebut dapat dijadikan asas permulaan dalam menjana modal insan cemerlang, gemilang dan terbilang.

"Sekalung tahniah diucapkan kepada kanak-kanak cemerlang yang turut menerima anugerah mereka pada hari ini.

"Andalah contoh generasi awal berjaya serta menjadi teladan kepada rakan-rakan lain. Saya doakan semoga kejayaan anak-anak itu memberi inspirasi untuk mereka terus maju sehingga dewasa," jelasnya.

Seramai 263 kanak-kanak Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Parlimen Lanang diraikan pada majlis tersebut.

Hadir sama Pengarah KEMAS Negeri Sarawak Anisah Saidin, Pegawai KEMAS Bahagian Sibu Ami Fariza Mat Jusoh dan wakil Pengerusi Tabika KEMAS Parlimen Lanang ASP Mohd Faizul Samsudin.

# Remaja mangsa rogol bapa dibawa ke lokasi kejadian, cari bukti baharu

BERNAMA




VIDEO kejadian yang dirakam memaparkan seorang lelaki memukul anaknya dalam keadaan mabuk di sebuah rumah di Kampung Kendong Baru, Kota, di sini. FOTO IHSAN PEMBACA.

Rembau: Remaja perempuan yang disyaki dirogol oleh bapa kandungnya di Kendong, di sini, telah dibawa ke lokasi kejadian untuk mencari bukti baharu berhubung kes itu, semalam.

Ketua Polis Daerah Rembau Deputi Superintendan Hazri Mohamad berkata mangsa yang berusia 17 tahun itu sebelum ini menerima rawatan di Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN) Kuala Pilah dan kini berada di bawah perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Beliau berkata tempoh reman terhadap suspek berusia 47 tahun itu yang tamat pada hari ini akan dilanjutkan dan pihaknya akan meminta tempoh itu dipanjangkan empat hari lagi.

"Apabila sudah selesai, kita akan serahkan kertas siasatan kepada pendakwa raya untuk tindakan lanjut. Kita bawa mangsa keluar sekejap dari hospital untuk ke lokasi kejadian dia dirogol iaitu di rumahnya.

"Mangsa masih dalam keadaan trauma. Sebelum ini, mangsa tinggal bersama neneknya sejak berusia empat tahun dan berpindah ke rumah bapanya pada Jun 2022," katanya ketika ditemui pemberita di Pekan Kota, di sini, hari ini.

Media sebelum ini melaporkan lelaki itu ditahan kerana dipercayai memukul dan menendang mangsa sehingga cedera selepas remaja itu memaklumkan kejadian rogol itu kepada teman wanitanya.

Hazri berkata kes disiasat di bawah Seksyen 376 (B) Kanun Keseksaan dan Seksyen 324 akta sama serta Seksyen 18(A) Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

**Disiarkan pada: Januari 27, 2024 @ 4:46pm**

# Polis siasat kes gangguan seksual didakwa babit pegawai kanan agensi kerajaan

Oleh Sharifah Mahsinah Abdullah - Januari 27, 2024 @ 3:11am
news@nst.com.my




KOTA BARU: Polis telah membuka satu kertas siasatan kes gangguan seksual didakwa membabitkan seorang pegawai kanan sebuah agensi kerajaan di Kelantan.

Laporan berhubung kes itu dibuat oleh seorang lelaki berumur 50-an di Balai Polis Kubang Kerian pada 21 Januari lalu.

Berdasarkan laporan itu, pegawai terbabit didakwa melakukan gangguan seksual terhadap kakitangan wanita di pejabat agensi berkenaan pada tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Mohd Rosdi Daud, ketika dihubungi mengesahkan polis menerima laporan lelaki itu yang juga saudara kepada wanita berkenaan.

Beliau berkata, kes sedang disiasat mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

# Do men encounter sexual harassment?

By MING TEOH

FAMILY
Saturday, 27 Jan 2024
6:00 PM MYT



Being a victim of sexual harassment is not something that men find easy to talk about due to society's expectations. Photo: Freepik

Despite common perception, gender-based violence (GBV) such as sexual harassment and domestic abuse, doesn't only happen to women, but also to men.

From physical GBV such as unwelcome advances, inappropriate comments, and physical harassment, to psychological, verbal, and online GBV, not only women but also men are victims.

However, GBV against men often goes unreported due to society's expectations, cultural stereotypes, and social stigma. And, men who do report it often face embarrassment, disbelief and scepticism.

StarLifestyle talks to men in Malaysia to find out their experiences of GBV and what they think of men as victims.

**Vince, 31, salesman**

I was once propositioned by one of my clients. She is rich, older and attractive, but it made me uncomfortable because I'm attached. Nothing happened.

**Lee, 48, trainer**

If it's not consensual, whether it's a male or female victim, then it's considered sexual harassment.

**Fauzi, 22, university student**

I've been stared at and approached by other men at the gym. I think they were attracted to me but I'm not gay so I wasn't interested.

**Tony, 28, marketing executive**

My (male) boss has asked me to entertain female clients, as in make them happy. I wasn't expected to be physical with them but flirt with them a little and drink with them, so I took it as part of the job requirement. I didn't realise that's sexual harassment!

**K. Maniam, 50, semi-retired**

I think it would be rare for a man to be a victim of physical domestic abuse, but if it's verbal abuse or emotional blackmail, then it's possible.

**Surin, 42, programmer**

When I was in my 20s, there was this weird incident, but I wasn't aware it was sexual harassment at that time. This neighbour – an older single lady who lived by herself – she kept inviting me to her house, asking me to help fix her this and that. When I was free, I would oblige, but then she started to 'behave weird', so I stopped going.

**John, 55, driver**

Sexual harassment against men? (laughs) What is that? Can a man be sexually-harassed ah? Domestic abuse against men? I know of someone whose wife would often shout at him, and in front of other people too. It was very embarrassing for him but nobody knew what to do to help during that time.

**Yusuf, 41, restaurant supervisor**

It's more difficult for men to talk about this because, you know, people will ask how can a woman 'force' a man to do anything when most times, he will be physically stronger and able to protect himself.

**Jin, 25, works in a bar**

In my line of work, I've been 'hit-on' by customers before. Some ladies have asked me for dates. I guess that's not a bad thing if it's mutual, but most of them are interested in 'something else'.

**Leon, 39, designer**

Most men won't report it if they get harassed sexually, I mean, they are afraid people will laugh at them, not believe them, or they may be the brunt of jokes like 'Why you so lucky? Why didn't you grab the opportunity?'

# 8 ways to address gender-based violence

By MING TEOH

FAMILY

Saturday, 27 Jan 2024

10:00 AM MYT



As members of society, all of us have a role in helping to curb gender-based violence. Photo: Freepik

To help deter sexual harassment and other forms of gender-based violence, and improve the safety of men as well as women, a multi-faceted approach is crucial, says educator Dr Desmond Cheah, who is a psychology practitioner and mental health consultant.

"As members of society, all of us have a role to help curb gender-based violence," he says.

Cheah suggests several strategies for this.

## 1. Educate yourself

Take the initiative to educate yourself about the challenges that men face regarding gender-based violence.

Understanding the nuances of the issue will enable you to provide more informed and empathetic support.

## 2. Promote open communication

Create an environment where open communication is encouraged.

Bystanders can play a pivotal role by fostering a culture where men feel comfortable sharing their experiences without fear of judgement.

## 3. Listen supportively

Actively listen and provide a supportive space for men to share their feelings and experiences.

Having someone who genuinely listens without judgement can be immensely beneficial for survivors.

## 4. Dispel stereotypes

Challenge and debunk stereotypes related to masculinity and vulnerability.

You can contribute to breaking down society norms that hinder reporting by promoting the idea that everyone – regardless of gender – can be a victim of harassment.

## 5. Spread awareness

Actively participate in spreading awareness about gender-based violence against men.

Share resources, helpline numbers, advocates, and information about support organisations through social media and other platforms.



Bystanders can play a pivotal role by fostering a culture where men feel comfortable sharing their experiences without fear of judgment, says Cheah. Photo: Dr Desmond Cheah

## 6. Encourage reporting

If someone confides in you about experiencing harassment, encourage them to report the incident to the relevant authorities.

Assure them that reporting is the first step towards justice.

## 7. Advocate for inclusivity

Advocate for inclusivity in support services.

While there are numerous organisations dedicated to assisting women, there's a need for more resources and services specifically tailored to support men who face gender-based violence.

## 8. Collaborate with organisations

Collaborate with organisations that focus on promoting gender equality and work towards eliminating all forms of harassment.

Support their initiatives and contribute towards creating safer spaces for everyone.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HOMELESS MAN SEEKS HELP TO GET MYKAD, BIRTH CERT | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 28 JAN 2024 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |


# Homeless man seeks help to get MyKad, birth cert

By Philip Wong
reporters@theborneopost.com

**SIBU: A 46-year-old man is desperately seeking help from relevant government agencies to help him get his identification documents, including his birth certificate and MyKad.**



ALIAS RAWI

Alias Rawi has been living in the streets here since he arrived from Bintulu three days ago. Even though he has managed to secure a temporary job at a food stall in Jalan Awang Ramli Amit, it is insufficient for him to make ends meet.

"I have been relying on a monthly assistance of RM300 from the Social Welfare Department (JKM) over the past months," he told Utusan Borneo.

Alias also said because he does not have a birth certificate and MyKad, he only completed his education up to primary school level.

"It is also difficult for me to get a permanent job because no employer is willing to hire me," he added.

> I have been relying on a monthly assistance of RM300 from the Social Welfare Department (JKM) over the past months.
> — Alias Rawi, homeless

According to Alias, he tried to apply for his MyKad, but the effort was in vain as the National Registration Department (JPN) required specific information from him for verification, which he was unable to provide.

The man said he also suffers from chronic gastric disease but is unable to receive treatment at government hospitals since he does not have a MyKad.

"I just do not know who to approach to solve my predicament."

According to Alias, he is from Sarikei and has 12 siblings, but cannot provide details on their whereabouts.

He claimed that his siblings also do not have birth certificates and MyKad due to family problems that existed since their childhood.

"My siblings and I were separated when we were young because of our poverty, and I am currently trying to locate them," he said.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TEEN RAPED BY FATHER BROUGHT TO CRIME SCENE AS POLICE LOOK FOR NEW EVIDENCE | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 28 JAN 2024 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Teen raped by father brought to crime scene as police look for new evidence

**REMBAU:** The teenage girl who was reportedly raped by her birth father in Kendong here was brought to the crime scene on Friday as police looked for new evidence.

Rembau police chief DSP Hazri Mohamad said the victim, 17, had been treated at Tuanku Ampuan Najihah Hospital in Kuala Pilah and is now under the care of the Social Welfare Department.

He said that the remand period for rape suspect, 47, which was due to end yesterday, will be extended and the police are seeking for four days to allow for further investigation.

"When we are done, we will hand the investigation paper to the public prosecutors for further action. We have taken the victim from the hospital for a while to the crime scene.

"The victim is still traumatised. She had previously stayed with her grandmother since she was four and moved to her father's house in June 2022," he told reporters in Pekan Kota here yesterday.

Media outlets had reported that the suspect had been arrested for allegedly beating and kicking the victim after she informed the suspect's girlfriend about the rape.

Hazri said that the case is being investigated under Section 324 of the Penal Code for deliberately causing injuries, Section 18(A) of the Domestic Violence Act 1995 and Section 376(B) of the Penal Code.

— Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN'S ASSOCIATION SPREADS FESTIVE CHEER TO PDK KAPIT CHILDREN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 28 JAN 2024 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Ling (standing, seventh left) joins the visitors for a group photo with the children and their parents.

# Women's association spreads festive cheer to PDK Kapit children

**KAPIT:** Members of Kapit Chinese Women Association (KCWA) on Friday paid a visit to the community-based rehabilitation centre (PDK) here to spread Chinese New Year festive cheer.

The visitors, led by chairman Kapitan Yap Hui Li, distributed angpows and mandarin oranges to the special needs children at the centre.

PDK management board chairman Stanley Ling said the centre has some 50 registered children but only about 20 of them turn up on a regular basis.

"Some of our special needs children are from longhouses in the rural area and their parents are unable to send them to the centre, either due to lack of transport or because they find it expensive to travel by boat," he said.

The cost to operate the PDK, he explained, is fully borne by the Welfare Department which provides a fixed allocation to cover the rental of the premises, as well as allowances of the supervisor and staff.

Ling added the centre does receive donations from private individuals and groups, which are used to organise activities and festive celebrations for the children.

Accompanying Yap for the visit were KCWA secretary Wee Hui Ping, treasurer Grace Wong, adviser Teng Lung Chee, and officer in charge of children's welfare Betty Wong.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI HIDUP MEREMPAT BERIKUTAN TIADA SEBARANG DOKUMEN PENGENALAN DIRI | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 28 JAN 2024 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki hidup merempat berikutan tiada sebarang dokumen pengenalan diri

**SIBU:** Seorang lelaki berusia 46 tahun terpaksa hidup merempat berikutan tiada sebarang dokumen pengenalan diri termasuk sijil lahir dan kad pengenalan.

Lebih menyedihkan lelaki itu hidup sebatang kara dengan bergantung harap bantuan bulanan RM300 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Alias Rawi dari Bintulu yang tiba di Sibu tiga hari lalu, kini tidur di kaki lima dan bekerja sementara di sebuah gerai makan di Jalan Awang Ramli Amit di sini.

Alias berkata, dia merantau ke Sibu kerana ingin meluahkan penderitaannya kepada Utusan Borneo dengan harapan ada pihak berwajib tampil membantnya mendapatkan kad pengenalan.

Menurutnya, dia hanya dapat menamatkan pendidikan sehingga sekolah rendah kerana tidak mempunyai sijil lahir dan kad pengenalan.

Dia juga sukar mendapat pekerjaan tetap kerana tiada majikan sanggup mengambilnya bekerja.

Alias pernah cuba membuat kad pengenalan tetapi usaha itu sia-sia kerana Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) meminta dia mendapatkan beberapa maklumat pengesahan di luar kemampuannya.

Selain itu, dia yang mempunyai penyakit gastrik kronik juga tidak dapat ke hospital kerajaan kerana masalah ketiadaan kad pengenalan.

Sementara itu, Alias mendakwa dirinya berasal dari Sarikei dan mempunyai 12 adik-beradik.

Di Bintulu, Alias memberitahu dia menumpang berteduh di Yayasan Kebajikan Negara Bahagian Bintulu.

Disebabkan masalah keluarga dihadapi sejak kecil, dia dan adik-beradiknya tidak mempunyai sijil lahir dan kad pengenalan.

Malah, masalah keluarga juga menyebabkan dia terpisah dengan adik-beradiknya.

Dia kini berusaha mencari ahli-ahli keluarganya yang lain.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PERSATUAN PERKHIDMATAN KEUPAYAAN MIRI SERU MASYARAKAT BERI KEUTAMAAN KEPADA OKU | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 28 JAN 2024 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**SUMBANGAN:** Jong (berdiri, tiga kiri) bersama ahli-ahli Persatuan Perkhidmatan Keupayaan Miri pada majlis ringkas penyerahan sumbangan, disaksikan Boon (duduk, tiga kiri) di Miri Rabu lalu.

# Persatuan Perkhidmatan Keupayaan Miri seru masyarakat beri keutamaan kepada OKU

**MIRI:** Persatuan Perkhidmatan Keupayaan Miri menyeru masyarakat setempat agar memberi keutamaan kepada keperluan orang kurang upaya (OKU) termasuk tidak menyalahgunakan tempat parkir khas untuk golongan OKU.

Pengerusinya Boon Foo Ping berkata beliau mengeluarkan kenyataan itu bagi mewakili semua ahli serta mereka yang memerlukan perkhidmatan tersebut.

"Tempat parkir OKU adalah untuk mereka menggunakan kerusi roda atau warga emas yang terhad pergerakannya.

"Tempat tersebut lebih luas membolehkan pergerakan sama ada keluar atau masuk dalam kenderaan mereka," katanya.

Menurut Boon, pihaknya turut menggesa Majlis Bandaraya Miri (MBM) menyediakan lebih banyak tempat parkir OKU bagi memberi kemudahan saksama.

Terdahulu, persatuan tersebut menerima sumbangan daripada Kelab Lions Batu Niah di premisnya petang Rabu lalu.

Kelab Lions Batu Niah diketuai Presidennya Andy Jong menyampaikan sebanyak 15 kampit beras serta barangan makanan asas lain.

Boon berkata, persatuan tersebut berpindah dari Senadin ke lokasi terkini di perumahan di Jalan Miri-Bintulu pada 23 April tahun lalu.

"Kebanyakan ahli kami adalah individu yang kurang upaya seperti pekak, bisu dan mempunyai pergerakan terhad.

"Bagaimanapun, kami amat bersyukur kerana masih ada pihak tampil memberi sokongan dan sumbangan dalam pelbagai cara seperti dilaksanakan Kelab Lions Batu Niah," katanya.

Boon menjelaskan melalui kutipan dana pelbagai pihak, persatuan terbabit juga menganjurkan aktiviti 'Chinese New Year Care & Love Food Aid Program 2024'.

Aktiviti berkenaan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran seperti cacat fizikal dan pekak daripada pelbagai kaum dan agama.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PERTUMBUHAN KANAK-KANAK HARUS DIKEMBANGKAN, TIDAK WAJAR TERHAD | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 28 JAN 2024 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pertumbuhan kanak-kanak harus dikembangkan, tidak wajar terhad

**SIBU:** Pertumbuhan kanak-kanak seharusnya dikembangkan dengan pelbagai potensi dan tidak sewajarnya terhad dalam aspek pencapaian akademik semata-mata.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Dato Sri Tiong King Sing bagaimanapun berkata, tidak dinafikan pencapaian dan kecemerlangan akademik sangat penting.

"Namun, membekalkan mereka dengan pembinaan sahsiah peribadi juga tidak kurang pentingnya. Oleh itu, sejak mereka kecil kita perlu menerapkan nilai-nilai murni dalam diri mereka," katanya berucap pada Majlis Apresiasi Tabika KEMAS Parlimen Lanang bagi sesi 2023/2024 di sini semalam.




**TAHNIAH: Ting (dua kiri) menyampaikan sijil apresiasi kepada kanak-kanak pada Majlis Apresiasi Tabika KEMAS Parlimen Lanang sesi 2023/2024 di Sibu semalam.**

Teks ucapannya dibacakan oleh wakilnya, Kaunselor Joshua Ting selaku mewakilinya menyempurnakan majlis tersebut.

Beliau juga berpendapat kesempurnaan dalam pendidikan mampu menjadikan masyarakat sempurna dalam kehidupan.

Oleh yang demikian, beliau menggesa anak-anak menghormati guru, ibu bapa serta orang lebih tua daripada mereka.

Mengenai majlis itu, Ahli Parlimen Bintulu itu percaya majlis apresiasi itu selari dengan matlamat dan tujuan memberi dorongan serta motivasi kepada anak-anak agar terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam apa juga bidang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dudong itu berharap majlis tersebut dapat dijadikan asas permulaan dalam menjana modal insan cemerlang, gemilang dan terbilang.

"Sekalung tahniah diucapkan kepada kanak-kanak cemerlang yang turut menerima anugerah mereka pada hari ini. Andalah contoh generasi awal berjaya serta menjadi teladan kepada rakan-rakan lain. Saya doakan semoga kejayaan anak-anak itu memberi inspirasi untuk mereka terus maju sehingga dewasa," jelasnya.

Seramai 263 kanak-kanak Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Parlimen Lanang diraikan pada majlis tersebut.

Hadir sama Pengarah KEMAS Negeri Sarawak Anisah Saidin, Pegawai KEMAS Bahagian Sibu Ami Fariza Mat Jusoh dan wakil Pengerusi Tabika KEMAS Parlimen Lanang ASP Mohd Faizul Samsudin.